

**TAHAP KEFAHAMAN MAKNA SIMBOLIK PERMAINAN KERCANG DALAM
KALANGAN REMAJA ORANG ASLI SUKU KAUM JAKUN
THE LEVEL OF UNDERSTANDING ON THE SYMBOLIC MEANING OF THE
KERCANG GAME AMONG THE YOUTH'S JAKUN TRIBE**

**Nur Sabrina Zainudin^{1*}
Mohamad Suhaizi Suhaimi²**

^{1,2} *Jabatan Bahasa Melayu, Kulliyah Bahasa dan Pengurusan, Universiti Islam
Antarabangsa Malaysia, Pagoh, 84600 Muar, Johor
sabinazainudin99@gmail.com^{*}; msuhaizi@iium.edu.my
Dihantar/Received: 28 April 2023 | Penambahbaikan/Revised: 20 Mei 2023
Diterima/Accepted: 10 Jun 2023 | Terbit/Published: 30 Jun 2023
DOI: <https://doi.org/10.51200/ga.v13i1.4376>*

ABSTRAK

Arus pemodenan telah memberi kesan yang mendalam terhadap permainan tradisional sesebuah masyarakat sama ada Melayu, Cina, India serta masyarakat Orang Asli. Oleh yang demikian, pengkaji melakukan sebuah kajian yang bertujuan untuk mengenal pasti makna simbolik permainan kercang masyarakat Orang Asli suku kaum Jakun dan menganalisis tahap kefahaman para remaja mereka terhadap makna simbolik permainan tersebut. Kajian ini dilakukan di Kampung Sentosa, Lenga dan pengkaji membataskan responden kepada sepuluh orang sahaja. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif untuk menjalankan kajian ini dan kaedah temu bual, kaedah pemerhatian dan kaedah kepustakaan telah digunakan untuk mendapatkan data berkaitan objektif. Berdasarkan pengaplikasian kaedah-kaedah tersebut, dapatan kajian telah menunjukkan bahawa kercang mempunyai enam jenis iaitu Kercang Pasung, Kercang Kahwin, Kercang Tipah Tertipu, Kercang Wau, Kercang Gunting dan Kercang Dua Lubang. Hasil dapatan juga mendapati bahawa seramai tujuh orang remaja tidak memahami makna simbolik bagi kercang pasung dan empat orang remaja tidak mempunyai kefahaman tentang makna simbolik kercang kahwin. Oleh itu, hasil akhir kajian ini merumuskan bahawa para remaja suku kaum Jakun tidak mempunyai kefahaman yang baik tentang makna simbolik permainan tradisional mereka.

Kata kunci: Kaum Jakun, permainan tradisional, kercang, tahap kefahaman, remaja.

ABSTRACT

The current of modernization has had a profound effect on the traditional games of the Malay, Chinese, Indian and Orang Asli community. Therefore, the researcher conducted a study that aims to identify the symbolic meaning of the game of kercang of the Jakun tribe's Orang Asli community and analyze the level of understanding of the Jakun tribe's Orang Asli youth on the symbolic meaning of the game of kercang. This study was conducted in Kampung Sentosa, Lenga and the researcher limited the respondents to ten people only. This study uses qualitative approaches to conduct this study and interview methods, observation methods and library methods have been used to obtain objective related data. Based on the application of these methods, the study's findings have shown that there are six types of kercang, namely Kercang Pasung, Kercang Kahwin, Kercang Tipah Tertipu, Kercang Wau, Kercang Gunting and Kercang Dua Lubang. The findings also found that a total of seven teenagers did not understand the symbolic meaning of kercang pasung and four teenagers did

not have an understanding of the symbolic meaning of kercang kahwin. Therefore, the final results of this study conclude that the teenagers of the Jakun tribe do not have good knowledge of the symbolic meaning of their traditional games.

Keywords: *Jakun tribe, traditional game, kercang, level of understanding, youth.*

PENGENALAN

Permainan tradisional merupakan suatu kegiatan yang dijadikan sebagai hiburan dan dilakukan untuk mengisi masa lapang oleh masyarakat pada zaman dahulu. Di Malaysia, terdapat 28 jenis permainan yang diiktiraf sebagai permainan tradisional yang menjadi warisan kebangsaan seperti congkak, laga ayam, kercang dan sebagainya (Jabatan Warisan Negara, 2021). Oleh itu, boleh dikatakan bahawa permainan-permainan ini sebatian dalam diri masyarakat. Perkara ini disokong oleh Chander Vengadasalam dan Malathi Balakrishnan (2019) yang mengatakan bahawa permainan tradisional bukanlah permainan tempatan semata-mata, tetapi juga meliputi nilai-nilai dan budaya tempatan yang berharga.

Walau bagaimanapun, pembangunan teknologi telah mengancam keistimewaan permainan tradisional ini sehingga menyebabkan generasi kini kurang mengenali permainan tersebut. Peredaran masa, proses perbandingan dan perkembangan teknologi telah menyebabkan permainan tradisional kian pupus ditelan zaman (Abdul Muati Ahmad, 2019). Oleh itu, pengkaji melakukan kajian tentang permainan tradisional yang dikenali sebagai kercang iaitu sebuah permainan tradisional masyarakat Orang Asli. Menurut Mohd Nur Syufaat Jamiran, Seow Ta Wee dan Maryati Mohamed (2013), permainan kercang merupakan salah satu permainan tradisional Orang Asli suku kaum Jakun yang bersifat menguji minda pemain. Kercang juga mempunyai beberapa jenis seperti Kercang Kahwin, Kercang Tipah Tertipu dan sebagainya.

Kercang mempunyai makna simboliknya yang tersendiri. Makna simbolik merupakan sesuatu perkara yang diturunkan kepada anak cucu, agama, mitos dan tokoh keramat (Sruthi Mohan, 2019). Selaras dengan definisi makna simbolik tersebut, permainan kercang merupakan permainan yang telah diturunkan dari generasi ke generasi oleh nenek moyang Orang Asli suku kaum Jakun kepada anak cucu mereka. Tujuannya adalah untuk memanfaatkan permainan kercang yang bukan sahaja dimainkan untuk mengisi masa lapang, tetapi juga memahami makna yang ditetapkan dalam permainan ini agar generasi kini menghargai dan menghayati permainan tradisional mereka. Justeru, pengkaji akan mengenal pasti makna simbolik permainan kercang masyarakat orang Asli suku kaum Jakun dan menganalisis tahap kefahaman remaja orang Asli suku kaum Jakun terhadap makna simbolik permainan kercang.

Menurut Mohamad Suhaizi Suhaimi (2021), Orang Asli terdiri daripada tiga suku kaum iaitu suku kaum Negrito, Senoi, dan Melayu-Proto dan pada tahun 2018, penduduk Orang Asli di Malaysia mencatatkan jumlah seramai 178, 179 orang. Menurut Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA, 2022), ketiga-tiga suku kaum Orang Asli ini mempunyai penempatan yang berlainan dan juga menuturkan dialek yang berbeza. Suku kaum Orang Asli Negrito tinggal di sekitar Banjaran Titiwangsa yang bertempat di bahagian utara Semenanjung Malaysia, manakala suku kaum Orang Asli Senoi pula tinggal di lereng Titiwangsa iaitu di pedalaman Perak, Kelantan dan Pahang (JAKOA, 2022). Selain itu, suku kaum Orang Asli Melayu-Proto yang ada di negeri Johor dan Pahang lazimnya tinggal di kawasan pantai, kuala atau lembah namun kini mereka mempunyai kawasan penempatan sendiri seperti perumahan yang disediakan oleh pihak JAKOA.

Justeru, kajian ini dijalankan terhadap suku kaum Orang Asli Melayu-Proto iaitu masyarakat Orang Asli suku kaum Jakun di Kampung Sentosa, Lenga, Johor. Menurut Pusat Ekonomi Digital Pekan Lenga (2022), Pekan Lenga berada dalam kawasan Parlimen Pagoh dan kedudukannya hampir dengan sungai Lenga. Penempatan masyarakat Lenga membuktikan bahawa masyarakat zaman dahulu merupakan nelayan dan menggunakan sungai sebagai medium perhubungan untuk bergerak ke destinasi-destinasi yang diinginkan. Kampung ini telah menjadi penempatan tetap buat sesetengah

masyarakat Orang Asli suku kaum Jakun. Kampung Sentosa ini menempatkan hampir 230 orang penduduk serta mengutip hasil hutan dan bekerja sendiri menjadi sumber pendapatan mereka.

PERNYATAAN MASALAH

Dewasa ini, pembangunan teknologi yang pesat di seluruh dunia telah memudahkan kehidupan manusia dalam menyelesaikan hal dan urusan mereka. Bukan itu sahaja, pembangunan teknologi atau lebih spesifiknya teknologi maklumat telah mengubah cara hidup dan amalan tradisi yang pada asalnya merupakan lambang sesebuah masyarakat. Misalnya, permainan tradisional yang merupakan satu bentuk hiburan oleh masyarakat Melayu semakin dilupakan kerana terdapat hiburan terkini yang lebih menarik minat generasi kini.

Norfarizah Mohd Bakhir *et al.* (2020) menjalankan suatu kajian permainan tradisional masyarakat Melayu iaitu galah panjang. Seterusnya, kajian tentang permainan tradisional juga turut dilakukan oleh Toh Min Min dan Low Kok On (2021) berkaitan permainan tradisional yang berfokuskan permainan tradisional etnik Murut Tahol iaitu *lansaran*. Bukan itu sahaja, terdapat juga kajian yang dilakukan terhadap permainan tradisional tetapi mengetengahkan perkembangan nilai moral melalui inovasi permainan tersebut (Chander Vengadasalam & Malathi Balakrishnan, 2019). Namun begitu, kajian tentang permainan kercang masih tidak pernah dilakukan dari sudut makna simbolik oleh pengkaji-pengkaji lepas. Pengkaji mendapati bahawa kajian tentang permainan tradisional dan makna simboliknya perlu dilakukan supaya masyarakat sedar akan kepentingan permainan tradisional ini. Tambahan pula, sekiranya kajian ini tidak dilakukan, kefahaman terhadap makna simbolik cenderung dikelirukan oleh masyarakat kerana setiap simbol mempunyai fungsinya yang tersendiri (Liza Marziana Mohammad Noh *et al.*, 2015). Bukan itu sahaja, sekiranya kajian ini tidak dilakukan, kewujudan permainan kercang berpotensi untuk dilupakan oleh generasi akan datang.

Menurut Zuriawati Ahmad Zahari, Mohd Ayiek Mat Desa' dan Norfarizah Mohd Bakhir (2014), pembangunan teknologi telah mengubah cara hidup dan budaya masyarakat sehingga memberi kesan terhadap permainan tradisional yang semakin jarang dimainkan dan tidak diketahui kewujudannya oleh generasi sekarang. Berdasarkan tinjauan awal pengkaji, didapati bahawa kercang juga menerima nasib yang sama iaitu dilupakan oleh generasi kini. Tambahan pula, jenis-jenis kercang memiliki makna simboliknya yang tersendiri serta menunjukkan kepintaran masyarakat Orang Asli dalam menyelesaikan beberapa isu yang timbul. Hal ini demikian kerana permainan kercang bukan sahaja dijadikan sebagai alat hiburan, malah terdapat makna dan fungsinya yang bermanfaat untuk masyarakat orang Asli. Permainan kercang yang merupakan lambang dan identiti masyarakat orang Asli akan dilupakan sekiranya para remaja menunjukkan sikap tidak ambil peduli terhadap makna simbolik permainan ini. Hal ini diperkuatkan lagi dengan kenyataan oleh Chander Vengadasalam dan Malathi Balakrishnan (2019), iaitu permainan tradisional ini merupakan salah satu lambang kebudayaan bagi sesebuah masyarakat.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif untuk mendapatkan data daripada responden iaitu dengan menemu bual mereka secara bersemuka. Kaedah kualitatif merupakan sebuah penyelidikan yang menggunakan temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen dalam mendapatkan data kajian (Kamarul Azmi Jasmi, 2012). Oleh itu, pengkaji memilih untuk menggunakan kaedah kualitatif kerana kaedah ini bersesuaian dengan objektif yang menjadi fokus utama pengkaji dalam melaksanakan kajian ini.

Kaedah ini digunakan untuk menilai tahap kefahaman remaja orang Asli suku kaum Jakun terhadap makna simbolik permainan kercang. Pengkaji menemu bual sepuluh orang remaja yang mendiami Kampung Sentosa, Lenga, Johor untuk melihat sama ada mereka masih memahami dan mengetahui setiap makna simbolik yang terdapat dalam permainan kercang. Oleh itu, pengkaji

menetapkan kajian ini sebagai kajian kualitatif yang datanya bergantung sepenuhnya kepada hasil pemerhatian, temu bual dan soal selidik bersama responden yang direkodkan dalam sebuah rakaman, catatan dan transkripsi audio kepada teks.

Pengkaji menetapkan supaya kajian ini dilakukan di Kampung Peta, Mersing, Johor dan Kampung Sentosa yang terletak di Lenga, Muar, Johor. Hal ini demikian kerana kampung-kampung tersebut merupakan tempat tinggal bagi masyarakat Orang Asli suku kaum Jakun. Kajian ini menggunakan pendekatan pemerolehan responden oleh Chambers dan Trudgill (1999) yang dikenali sebagai NORMs. NORMs ialah akronim bagi *Non-mobile* (penduduk asal), *Old* (orang tua), *Rural* (pedalaman) dan *Male* (lelaki) yang bertepatan dengan informan bernama Awang bin Kudi (67 tahun) yang menetap di Kampung Peta untuk mendapatkan maklumat tentang makna simbolik permainan kercang. Pengkaji juga telah menetapkan sepuluh orang responden yang tinggal di Kampung Sentosa untuk ditemu bual. Responden yang dimaksudkan ialah para remaja Orang Asli yang berada dalam lingkungan usia 11 hingga 21 tahun. Pengkaji menjalankan kajian untuk mendapatkan maklumat tentang tahap kefahaman mereka terhadap makna simbolik permainan kercang.

DAPATAN KAJIAN

Makna Simbolik Permainan Kercang

1. Kercang Pasung

Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat*, perkataan pasung didefinisikan sebagai alat yang diperbuat daripada kayu yang berlubang untuk dipasang pada kaki, tangan atau leher seseorang yang bersalah sebagai salah satu bentuk hukuman. Terdapat juga frasa rumah pasung yang juga melibatkan seseorang yang bersalah iaitu balai polis, penjara dan tempat tahanan. Selaras dengan makna tersebut, Kercang Pasung merupakan permainan yang berfungsi untuk menentukan seseorang yang dianggap bersalah itu benar-benar bersalah atau sebaliknya. Cara bermain Kercang Pasung adalah dengan mengeluarkan tali daripada kercang dengan tiga langkah sahaja. Begitu juga dengan memasukkan semula tali dalam lilitan kercang yang juga memerlukan tiga langkah. Sekiranya seseorang itu tidak berjaya mengeluarkan dan memasukkan tali dalam kercang dalam tiga langkah, dirinya gagal dan dianggap bersalah.

Sebagai contoh, seorang pemuda Orang Asli suku kaum Jakun dituduh bersalah mencuri harta jirannya, tetapi tiada bukti kukuh yang mengatakan bahawa dia betul-betul bersalah. Oleh itu, masyarakat Orang Asli suku kaum Jakun menggunakan kercang pasung sebagai hakim yang membuat keputusan dalam membongkarkan kebenaran tentang seseorang itu. Masyarakat ini percaya bahawa terdapat semangat yang membantu mereka melalui Kercang Pasung yang menjadi pengadil untuk menentukan nasib seseorang yang dituduh bersalah agar dirinya tidak dijatuhkan hukuman hanya disebabkan dituduh oleh orang lain.



Rajah 1 Kercang Pasung

2. Kercang Kahwin

Kercang Kahwin merupakan sejenis kercang yang digunakan khas untuk pasangan yang ingin berkahwin dan bercerai. Masyarakat Orang Asli suku kaum Jakun percaya bahawa Kercang Kahwin ini penting untuk memastikan pasangan tersebut merupakan jodoh kerana kejayaan pasangan lelaki dalam memainkan kercang ini akan menentukan hubungannya bersama pasangan. Hal ini demikian kerana sekiranya bakal pengantin tidak berjaya menyelesaikan permainan ini, mereka dianggap bukan jodoh dan tidak dapat meneruskan perkahwinan mereka. Selain itu, kercang kahwin bukan sahaja menjadi penentu untuk pasangan yang ingin berkahwin, malah penceraian juga memerlukan pasangan tersebut menyelesaikan permainan ini sebelum bercerai.

Perbezaannya adalah untuk berkahwin, bakal pengantin mesti mencantumkan dua cincin buluh dalam ruang yang sama dan untuk bercerai, pasangan mesti mengasingkan dua cincin buluh tersebut dalam ruang yang berbeza. Langkah untuk bermain Kercang Kahwin adalah dengan enam langkah dan tali di bahagian tengah kercang menjadi kunci dalam menyelesaikan kercang ini. Permainan ini adalah rumit dan mempunyai banyak langkah, namun menjadi simbolik tentang alam perkahwinan dan kehidupan selepas bercerai yang dipenuhi dengan cabaran yang perlu ditempuhi oleh pasangan.



Rajah 2 Kercang Kahwin

3. Kercang Tipah Tertipu

'Tipah tertipu' merupakan satu dialog yang didapati dalam filem yang bertajuk *Ali Setan*. Filem yang ditayangkan pada tahun 1985 ini mendapat tempat di hati masyarakat Melayu dan digemari ramai (Qarami Hashim, 2021). Oleh itu, setiap orang yang menonton filem ini pasti mengenali watak Tipah dan dialog terkenalnya, "Tipah tertipu bang... Tipah tertipu..." Dialog yang menjadi tular ini menyebabkan bukan sahaja masyarakat Melayu, malah masyarakat Orang Asli juga mengetahui tentang 'tipah tertipu'. Hal ini demikian kerana arus pemodenan telah menyebabkan masyarakat Orang Asli terdedah dengan dunia penggunaan barangan dan perkhidmatan moden (Mohd Rolan

Rosnon *et al.*, 2019). Kini, Orang Asli juga mempunyai televisyen dan telefon pintar yang membolehkan mereka mengetahui tentang filem-filem masyarakat Melayu.

Oleh yang demikian, dialog terkenal ini menjadi ilham buat pakar kercang, Awang bin Kudi untuk mencipta kercang yang bernama tipah tertipu. Kercang Tipah Tertipu mempunyai bentuk yang paling mudah dan tidak serumit kercang-kercang lain. Oleh itu, kebanyakan orang menganggap kercang ini sebagai kercang yang paling mudah untuk diselesaikan. Walau bagaimanapun, sebenarnya kercang ini tidaklah semudah yang disangka untuk diselesaikan. Apabila seseorang itu sedang menyelesaikannya, barulah mereka sedar bahawa mereka telah tertipu dengan rekaan dan bentuknya yang mudah. Cara untuk menyelesaikan kercang ini adalah dengan memisahkan tali daripada kercang dengan mengepit kercang dan memusing tali agar terpisah daripada kercang. Langkahnya yang kelihatan mudah menjadi helah untuk menipu para pemain kerana mereka memandang rendah terhadap bentuknya. Kesannya, mereka mengalami kesukaran untuk menyelesaikan kercang tipah tertipu ini.



Rajah 3 Kercang Tipah Tertipu

4. Kercang Wau

Wau ialah permainan tradisional masyarakat Melayu dan telah menjadi lambang budaya masyarakat (Muhammad Reduan Isahak, Fawazul Khair Ibrahim & Raja Nafida Raja Shahminan, 2015). Wau merupakan permainan terkenal terutamanya di negeri Kelantan dan masih menjadi tarikan sehingga kini. Bukan itu sahaja, untuk memastikan wau tidak dilupakan, Kerajaan Negeri Johor telah menganjurkan Festival Layang-layang Sedunia Pasir Gudang sejak lebih 20 tahun lalu (Zaitie Satibi, 2019). Tambahan pula, lokasi festival dan penempatan masyarakat Orang Asli suku kaum Jakun yang berada di Johor telah mendedahkan masyarakat kepada permainan tradisional Melayu iaitu wau.

Oleh itu, festival layang-layang tahunan terbesar ini berkemungkinan besar dijadikan inspirasi buat pakar kercang mencipta kercang yang berbentuk wau. Kercang yang berbentuk wau ini perlu dimainkan dengan mengeluarkan tali daripada kercang menggunakan tujuh langkah. Apabila seseorang itu cuba menyelesaikan kercang ini, pergerakan tali tersebut secara tidak langsung telah melakukan bentuk wau.



Rajah 4 Kercang wau

5. Kercang Gunting

Pada tahun 1954, Jabatan Orang Asli telah ditubuhkan dibawah Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah untuk melindungi dan menjaga kebajikan masyarakat Orang Asli (Jabatan Kemajuan Orang Asli, 2022). Oleh itu, sebagai seorang pakar kercang yang menyumbang kepada pertahanan permainan tradisional daripada pupus, Awang bin Kudi sudah pasti menyertai kursus-kursus yang dianjurkan oleh JAKOA. Peralatan-peralatan yang merupakan sesuatu yang biasa bagi orang lain tidak semestinya sama bagi masyarakat Orang Asli.

Salah satunya adalah peralatan memotong yang bernama gunting yang telah wujud sejak 100 tahun Masihi. Pergaulan Awang bin Kudi semasa menjalani kursus berkemungkinan memperkenalkannya kepada gunting. Oleh itu, beliau mencipta kercang yang berbentuk gunting untuk mempelbagaikan kercang agar dapat menarik minat masyarakat untuk bermain kercang. Semasa memainkan kercang ini, pergerakan tali sepanjang pemain cuba menyelesaikannya adalah membentuk bentuk gunting.



Rajah 5 Kercang gunting

6. Kercang Dua Lubang

Muzik merupakan gubahan bunyi untuk menghasilkan irama yang indah dan menyenangkan pendengar. Penghasilan muzik bukan sahaja menggunakan suara sebaliknya terdapat alat-alat yang melengkapkan sesebuah muzik itu. Fungsi muzik adalah untuk menghiburkan dan memberi mesej kepada orang ramai dan kini, muzik menjadi kegemaran orang ramai dipelbagai peringkat usia. Dalam masyarakat Melayu, terdapat sejenis alat muzik yang diperbuat daripada buluh dan dimainkan meniup buluh tersebut sambil menutup dan membuka lubang untuk membentuk irama yang dikenali sebagai seruling. Pergaulan antara masyarakat Orang Asli dan masyarakat Melayu telah membuka mata masyarakat Orang Asli terhadap keunikan dan budaya masyarakat Melayu yang pelbagai. Salah satunya adalah seruling yang indah dan merdu bunyinya.

Bukan itu sahaja, para pelajar yang belajar di sekolah rendah mempunyai silibus berkaitan belajar meniup seruling semasa kelas muzik. Kanak-kanak Orang Asli yang ke sekolah sudah pasti mengenali alat muzik tersebut dan seterusnya dikenali oleh kebanyakan masyarakat Orang Asli. Oleh itu, berkemungkinan Kercang Dua Lubang yang dicipta oleh Awang bin Kudi ini merupakan buah fikiran yang diperolehi hasil daripada mengenali seruling. Tambahan pula, bentuk kercang dua lubang tersebut mempunyai banyak persamaan dengan bentuk seruling. Apabila kercang dicipta berdasarkan budaya masyarakat Melayu, perkara ini boleh menarik minat bukan sahaja Orang Asli, malah masyarakat Melayu untuk bermain kercang.



Rajah 6 Kercang dua lubang

Tahap Kefahaman Remaja Orang Asli Suku Kaum Jakun Terhadap Makna Simbolik Permainan Kercang

Tahap kefahaman remaja Orang Asli suku kaum Jakun terhadap makna simbolik kercang diperoleh hasil daripada soal selidik yang dilakukan bersama 10 orang remaja yang tinggal di Kampung Sentosa, Lenga, Johor. Remaja yang dipilih adalah daripada umur 11 tahun sehingga 21 tahun sahaja dan pengkaji berjaya melakukan soal selidik kepada enam orang remaja lelaki dan empat orang remaja perempuan. Soal selidik yang dilakukan melibatkan dua jenis kercang sahaja iaitu kercang pasung dan kercang kahwin.

1. Tahap Kefahaman Terhadap Makna Simbolik Kercang Pasung

Berdasarkan analisis yang telah dilakukan, bilangan remaja Orang Asli suku kaum Jakun yang tidak memahami makna simbolik kercang pasung adalah lebih tinggi berbanding remaja yang memahaminya. Pengkaji telah melakukan empat pilihan jawapan yang memerlukan para remaja memilih salah satu iaitu:

- a) bertujuan untuk menentukan seseorang itu bersalah atau tidak
- b) bertujuan untuk meramal masa hadapan
- c) bertujuan untuk bercerai
- d) bertujuan untuk berkahwin

Berdasarkan pilihan jawapan yang diberikan itu, jawapan yang tepat mengenai makna simbolik kercang pasung adalah pilihan jawapan A yang bertujuan untuk menentukan seseorang itu bersalah atau tidak. Walau bagaimanapun, kebanyakan responden memilih pilihan yang salah. Perkara ini boleh dilihat melalui Jadual 1 berikut:

Jadual 1 Tahap kefahaman terhadap makna simbolik kercang pasung

Bil.	Nama	Jawapan Pilihan	Keputusan
1.	Asyraf	A	Betul
2.	Hafizul bin Henliseng	B	Salah
3.	Lee Eik	A	Betul
4.	Fariz Haizul	B	Salah
5.	Nurdiana	B	Salah
6.	Saiful	B	Salah
7.	Andika	B	Salah
8.	Shahrul Shah Inderawan	A	Betul
9.	Halida	B	Salah
10.	Sosila	B	Salah

Berdasarkan Jadual 1, didapati bahawa jumlah remaja yang tidak mengetahui makna simbolik Kercang Pasung adalah lebih tinggi berbanding dengan yang memahaminya. Daripada 10 orang

remaja yang ditemu bual tentang makna simbolik kercang pasung, tujuh orang telah memberi jawapan yang salah. Pemilihan jawapan yang salah menunjukkan bahawa mereka tidak mengetahui fungsi sebenar permainan kercang pasung. Hal ini demikian kerana mereka hanya meneka jawapan berikut kerana mereka telah melupakan permainan tradisional mereka dan makna simboliknya.

2. Tahap Kefahaman Terhadap Makna Simbolik Kercang Kahwin

Berbeza dengan tahap kefahaman makna simbolik Kercang Pasung, jumlah responden yang menjawab soalan berkaitan makna simbolik Kercang Kahwin dengan betul menunjukkan peningkatan. Pilihan jawapan yang diberikan kepada para responden adalah:

- a) bertujuan untuk mendapatkan kekayaan
- b) bertujuan untuk menentukan seseorang itu bersalah atau tidak
- c) bertujuan untuk menentukan jodoh
- d) bertujuan untuk bercerai

Berdasarkan empat pilihan jawapan yang diberikan oleh pengkaji, terdapat dua pilihan jawapan yang betul iaitu pilihan C dan D. Jadual di bawah menunjukkan jawapan yang menjadi pilihan remaja Orang Asli suku kaum Jakun iaitu:

Jadual 2 Tahap kefahaman terhadap makna simbolik kercang pasung

Bil.	Nama	Jawapan Pilihan	Keputusan
1.	Asyraf	B	Salah
2.	Hafizul bin Henliseng	A	Salah
3.	Lee Eik	C	Betul
4.	Fariz Haizul	C	Betul
5.	Nurdiana	A	Salah
6.	Saiful	C	Betul
7.	Andika	D	Betul
8.	Shahrul Shah Inderawan	C	Betul
9.	Halida	A	Salah
10.	Sosila	C	Betul

Berdasarkan Jadual 2, didapati bahawa jumlah remaja yang memahami tentang makna simbolik kercang kahwin adalah enam daripada 10 orang. Walau bagaimanapun, tahap kefahaman keseluruhan remaja terhadap makna simbolik kercang kahwin masih rendah kerana hanya dengan nama kercang tersebut sahaja, mereka boleh memberikan jawapan yang betul. Oleh itu, pemilihan jawapan yang betul menunjukkan mereka memahami maksud perkataan “kahwin” dan memilih jawapan yang mempunyai kaitan dengan perkataan tersebut. Perkara ini jelas menunjukkan bahawa remaja Orang Asli suku kaum Jakun di Kampung Sentosa, Lenga telah mengabaikan keistimewaan permainan yang menjadi adat mereka sejak zaman nenek moyang.

PENUTUP

Pengkaji telah menjelaskan makna simbolik bagi kercang pasung, kercang kahwin, kercang tipah tertipu, kercang wau, kercang gunting dan kercang dua lubang. Perkara ini adalah hasil temu bual bersama Awang bin Kudi yang berusia 67 tahun iaitu merupakan pakar kercang. Melalui penemuan enam jenis kercang ini, jelaslah bahawa kercang masih dimainkan oleh masyarakat Orang Asli suku kaum Jakun.

Berdasarkan makna simbolik yang didapati daripada enam jenis kercang ini, dua jenis kercang telah dipilih untuk dijadikan bahan kajian untuk mendapatkan jawapan daripada remaja Orang Asli suku kaum Jakun yang tinggal di Kampung Sentosa, Lenga. Kercang yang dipilih ialah

Kercang Pasung dan Kercang Kahwin dan hasil daripada temu bual yang dilakukan bersama 10 orang remaja mendapati bahawa tahap kefahaman mereka terhadap makna simbolik kercang adalah rendah.

RUJUKAN

- Chander Vengadasalam & Malathi Balakrishnan. (2019). Perkembangan nilai moral melalui inovasi permainan tradisional. *Jabatan Pendidikan Jasmani dan Kesihatan*. Diakses daripada https://www.researchgate.net/publication/336318439_PERKEMBANGAN_NILAI_MORAL_MELALUI_INOVASI_PERMAINAN_TRADISIONAL
- Huzaimah Ismail & Che Zarina Sa'ari. (2016). Masyarakat Orang Asli dan pembangunan insaniah. *Jurnal CITU*, 67-82.
- Jabatan Kemajuan Orang Asli. (2022). *Suku kaum Orang Asli Semenanjung Malaysia*. Diakses daripada <https://www.jakoa.gov.my/orang-asli/suku-kaum/>
- Jabatan Warisan Negara. (2021). *Permainan tradisi*. Diakses daripada https://www.heritage.gov.my/index.php?option=com_content&view=article&id=135&Itemid=592&lang=ms
- Kamarul Azmi Jasmi. (2012). Metodologi pengumpulan data dalam penyelidikan kualitatif. Dlm. *Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1 2012 di Puteri Resort, Melaka pada 28-29 Mac 2012*.
- Kamarul Azmi Jasmi, Mohd Faez Ilias & Rozana Alik. (2017). Pendidikan awal remaja. Dlm. *Remaja Hebat: Dasar Pembangunan Remaja Cemerlang*, 37-56. UTM Press.
- Liza Marziana Mohammad Noh, Hamdzun Haron, Abdul Latif Samian, Ahmad Rashidi Hasan & Jasni Dolah. (2015). Analisis formalistik dalam memaknai simbol budaya Melayu. *International Journal of Creative Future and Heritage*, 3(2), 49-72.
- Mohamad Shofi Mat Isa. (2 Ogos 2022). 30 permainan tradisional makin pupus. Utusan Malaysia. Diakses daripada <https://www.utusan.com.my/nasional/2022/08/30-permainan-tradisi-makin-pupus/>
- Mohamad Suhaizi Suhaimi. (2021). Kajian orang asal: Daripada data mentah kepada penerbitan buku. Dewan Budaya Jendela DBP. Diakses daripada <https://dewanbudaya.jendeladbp.my/2021/12/31/1005/>
- Mohd Roslan Rosnon, Sarjit S. Gill, Shamsul Azahari Zainal Badari, N. Alia Fahada W. Ab. Rahman & Adam Danial Hafiz Goh. (2019). Petunjuk pembangunan komuniti Orang Asli: Suatu analisis penggunaan barangan dan perkhidmatan. *Malaysia Journal of Society and Space*, 15(1), 132-146.
- Muhammad Fareez Adli Zakaria & Mohamad Suhaizi Suhaimi. (2022). Hentian glotis dalam kata tanya dialek Orang Asli suku kaum Jakun. *Asian People Journal*, 5(2), 41-49.
- Noor Norazila Inai & Mohamad Maulana Magiman. (2019). Makna simbol ritual "Serarang" dalam masyarakat Melanau Likow di Dalat, Sarawak. In: *International Conference on Social Sciences and Humanities 2019 (ICOSSH2019)*, 8-9 Oct. 2019, Parkcity Everly Hotel, Bintulu, Sarawak, Malaysia. (pp. 236-242).
- Sesilia Seli & Mohamad Mokhtar Abu Hassan. (2016). Makna simbol-simbol fizikal daripada kearifan tempatan dalam cerita Ne'baruakng Kulup sastera lisan Dayak Kanayatn. *Jurnal Pengajian Melayu*, 27(1), 70-105.
- Shaqinur Ain Mohidin & Mohamad Suhaizi Suhaimi. (2022). Asimilasi budaya adat perkahwinan masyarakat Orang Asli suku kaum Jakun dengan masyarakat Melayu setempat. *International Journal of Undergraduate Research*, 3(1), 153-161.
- Sruthi Mohan. (2019). Symbolism. Diakses daripada https://www.researchgate.net/publication/337669587_Symbolism

Toh Min Min & Low Kok On. (2021). Lansaran etnik Murut Tahol: Permainan atau tarian tradisional? *Gendang Alam*, *11*(1), 144-168.

Zaitie Satibi. (1 Mac 2019). Penghias dada langit. *Harian Metro*. Diakses daripada <https://www.hmetro.com.my/santai/2019/03/428473/penghias-dada-langit>.